

UM / AAB7 / SH / 8.7.2026 / P:14 (1-4)

Sekali lagi Dr Haim Hilman Abdullah cuba membakar emosi rakyat dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor dengan membuat dakwaan yang mengelirukan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyembunyikan fakta mengenai banjir pelajar antarabangsa di universiti awam, pelajar antarabangsa 'merampas' tempat anak tempatan dan masalah kebolehpasaran graduan Melayu berpunca daripada kehadiran pelajar asing.

Pertama, dakwaan bahawa perkara ini 'tidak diberitahu oleh kementerian berkaitan' adalah tidak benar sama sekali. KPT melalui Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Azlinda Azman, telah mengeluarkan kenyataan rasmi pada 26 Ogos 2025 dan 17 September 2025 mengenai jumlah pelajar antarabangsa di universiti awam, termasuk pecahan bagi lima Universiti Penyelidikan (RU), status prasiswazah dan pascasiswazah, yuran penuh pelajar antarabangsa serta jaminan bahawa pelajar tempatan tetap diberi keutamaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir juga menjawab isu ini ketika ia dibangkitkan oleh

Isu pelajar antarabangsa: Bahas dasar, bukan bakar emosi



Dakwaan pelajar antarabangsa merampas tempat pelajar tempatan disifatkan tidak berasas. Foto hiasan.

Senator Datuk Seri Prof Emeritus Dr Awang Sariyan di Dewan Negara pada 2 September 2025. Beliau menjelaskan bahawa di peringkat prasiswazah universiti awam, seramai 497,020 orang atau 97.3 peratus ialah pelajar Malaysia, manakala pelajar antarabangsa hanya berjumlah 13,986 orang atau 2.7 peratus.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi turut mendedahkan angka yang sama di Dewan Rakyat, termasuk pecahan prasiswazah dan pascasiswazah, ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Ipoh Timor, Howard Lee Chuan How, pada 4 Disember 2025.

Jika benar seseorang ahli politik mahu mendapatkan pencerahan rasmi, jalan terbaik ialah mengemukakan pertanyaan di Parlimen sebagaimana yang telah dilakukan oleh beberapa Ahli Parlimen dan Senator. Persoalannya ialah apabila isu yang sama dibawa berulang kali oleh beliau di Dewan Undangan Negeri, muktamar parti, media berbahasa Cina dan kini di pentas PRN Johor dengan nada yang dilihat membakar emosi pengundi berbanding memperbaiki dasar, tidakkah beliau letih mengulang isu sama yang telah berkali-kali diberikan jawapan?

Dari segi data, angka 56,565 pelajar antarabangsa di universiti awam pada tahun 2025 memang terdapat dalam Statistik Pendidikan Tinggi KPT. Jumlah keseluruhan enrolmen universiti awam ialah 634,706 orang, terdiri daripada 578,141 pelajar warganegara dan 56,565 pelajar bukan warganegara. Ini bermakna pelajar tempatan masih membentuk 91.1 peratus daripada keseluruhan enrolmen universiti awam.

Bagi lima universiti utama yang disebut, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi



PERSPEKTIF

AHMAD
MARTADHA

Malaysia, jumlah pelajar antarabangsa ialah 41,097 orang. Namun begitu, angka tersebut bukan semuanya bersaing mendapatkan tempat dalam program Ijazah Sarjana Muda.

KPT melalui jawapan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi di Dewan Rakyat pada 4 Disember 2025 telah menjelaskan bahawa di lima Universiti Penyelidikan, seramai 38,388 pelajar antarabangsa pada tahun 2024 membentuk 21.3 peratus daripada keseluruhan enrolmen.

Daripada jumlah itu, 15.8

mata peratusan ialah pelajar pascasiswazah, manakala hanya 5.5 mata peratusan ialah pelajar prasiswazah. Malah, seramai 28,383 pelajar antarabangsa di lima universiti tersebut merupakan pelajar pascasiswazah. Perkara ini penting kerana pengajian sarjana dan doktor falsafah (PhD) bukan laluan yang sama dengan pelajar tempatan yang memohon tempat Ijazah Sarjana Muda melalui Unit Pusat Universiti (UPU) selepas SPM, STPM, matrikulasi atau diploma.

Hujah "mengapa tempat ini tidak diberikan kepada anak Pak Mat di kampung, Ah Chong di Johor Bahru atau Muthusamy di Selayang" juga tidak berbangkit kerana pelajar antarabangsa tidak mengambil tempat pelajar tempatan. KPT telah menegaskan bahawa kuota UPU untuk pelajar tempatan tidak dikorbankan, manakala kemasukan pelajar antarabangsa dibuat melalui saluran berasingan dan dikenakan yuran penuh tanpa subsidi kerajaan.

Malah, tempat untuk pelajar tempatan turut ditambah. Pada tahun 2025, kuota kemasukan bersubsidi melalui UPU ditambah lebih 8,000 tempat dan lebih 3,000 tempat tambahan disediakan bagi kursus kritikal. Bagi tahun 2026 pula, KPT menambah 1,500 tempat baharu di lima

Universiti Penyelidikan, manakala penambahan tempat dalam bidang kritikal seperti kecerdasan buatan (AI), perakaunan dan undang-undang turut diumumkan.

Lebih penting lagi, pengantarabangsaan pendidikan tinggi bukan dasar baharu yang muncul secara senyap. Ia merupakan sebahagian daripada hala tuju besar negara yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM-PT), yang meletakkan agenda pengantarabangsaan sebagai salah satu strategi untuk memperkukuh daya saing pendidikan tinggi Malaysia. Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 pula meneruskan dasar ini dengan sasaran 500,000 pembelajar antarabangsa menjelang tahun 2035, selepas sasaran 250,000 pembelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 di bawah PPPM-PT belum dicapai sepenuhnya.

RPTM menyatakan Malaysia mendahului Asia Tenggara dalam menarik pelajar antarabangsa. Namun, bahagian negara dalam pasaran pendidikan global masih kecil, sekitar 1.45 peratus. Dengan pasaran itu dijangka bernilai USD433 bilion menjelang 2030, pengantarabangsaan pendidikan tinggi perlu dilihat sebagai strategi ekonomi berasaskan ilmu. Jika tidak bersetuju dengan dasar ini, bahaskan asasnyanya dan kemukakan alternatif yang lebih baik.

Dakwaannya bahawa 1.65 juta anak Melayu berijazah terpaksa bekerja dalam pekerjaan yang tidak setara dengan kelulusan juga perlu dipisahkan daripada isu pelajar antarabangsa. Masalah ketidakpadanan pekerjaan graduan bukan berpunca daripada kehadiran pelajar asing di universiti awam.

RPTM turut menekankan isu *skill-related underemployment*, iaitu graduan berkelulusan tinggi bekerja dalam pekerjaan separa mahir atau berkemahiran rendah akibat kekurangan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta ketidakpadanan antara kelayak-

an graduan dengan keperluan pasaran kerja. Justeru, penyelesaiannya ialah mewujudkan lebih banyak pekerjaan bernilai tinggi, memperkukuh kurikulum, meningkatkan latihan industri dan mengeratkan kerjasama universiti dengan industri, bukannya menyalahkan pelajar asing.

Akhir sekali, bahagian yang paling sukar untuk dijawab oleh Dr Haim Hilman ialah rekod beliau sendiri. Dalam amanat beliau sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Majlis Sambutan Hari Pengasasan UUM Ke-38 pada 17 Februari 2022, beliau mengaitkan promosi antarabangsa, kemasukan pelajar luar dan peningkatan ranking UUM sebagai antara pencapaian universiti.

Pada 11 Oktober 2022 pula, beliau menyambut baik peningkatan 13.97 peratus kemasukan pelajar antarabangsa ke UUM dan menyifatkannya sebagai bukti bahawa agenda pengantarabangsaan universiti membuahkan hasil. Pada 14 Oktober 2022, beliau turut menyatakan bahawa penarafan pengantarabangsaan UUM meningkat, antaranya hasil daripada pertambahan jumlah pelajar dan staf antarabangsa.

Dalam bahasa politik, perkara ini boleh dianggap sebagai satu bentuk hipokrisi. Dalam bahasa akademik pula, ia merupakan satu bentuk ketidakkonsistenan intelektual yang serius. Ketika menjadi Naib Canselor, pelajar antarabangsa dianggap sebagai tanda kejayaan universiti. Namun, ketika berada di pentas politik, dasar yang sama digambarkan seolah-olah mengancam peluang anak tempatan.

Menjadikan pelajar antarabangsa sebagai kambing hitam terhadap isu kemasukan universiti dan pekerjaan graduan hanya membina tafsiran yang tempang terhadap fakta.

**Profesor Dr Ahmad Martadha Mohamed ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)*